

Rakyat Perlu Terus Beri Mandat Kepada BN - Ahmad Maslan
Bernama
4 Mac, 2012

PANGKOR, 4 Mac (Bernama) -- Rakyat perlu terus memberi mandat kepada Barisan Nasional (BN) berikutan jaminan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk memperbaiki kesilapan lampau perikatan itu bagi memacu kegemilangan negara, kata Ketua Penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan.

Beliau berkata ia membuktikan keikhlasan BN terhadap rakyat kerana tidak mudah bagi mana-mana perdana menteri atau presiden di dunia mengakui kesilapan dan kelemahan yang berlaku dalam parti pada masa lalu.

"Beliau sanggup. Itu satu pengorbanan dan tunjukkan ketinggian peribadi dan wibawanya. Beliau sanggup meminta maaf bagi pihak pemimpin lain atas kesilapan yang berlaku sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penerangan Perdana di Kampung Tengah di sini, hari ini.

Ketika di Kuala Ketil, Kedah pada Sabtu, Najib mengakui kekalahan banyak kerusi BN dan beberapa pada pilihan raya umum 2008 adalah disebabkan kesilapan dan beliau memohon maaf kepada rakyat.

Beliau turut menerima penolakan pengundi terhadap BN atas kesilapan masa lalu itu dan akan membetulkannya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=649807>